

Kerajaan hairan sikap Ku Li

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Kerajaan hairan mengapa Tengku Razaleigh Hamzah semasa menjadi Menteri Kewangan tidak membantah pengambilan tanah untuk pembangunan, sedangkan sekarang dia bersikap sebaliknya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sekarang dia (Tengku Razaleigh) berani membuat kenyataan itu kerana tahu bahawa partinya tidak mungkin dapat menubuhkan kerajaan dan tidak perlu mengambil tanah untuk tujuan pembangunan.

“Semasa dalam kerajaan dia sokong (ambil tanah rakyat bagi pembangunan) tetapi apabila berada di luar kerajaan dia kata tak payah ada pembangunan,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kompleks Perdanasiswa di Universiti Malaya, di sini, hari ini.

Perdana Menteri mahu Presiden Parti Semangat 46 itu mengingatkan semula keputusan beliau semasa menjadi Menteri Kewangan bahawa pembayaran pampasan untuk pengambilan tanah, termasuk tanah rizab Melayu, hendaklah mengikut harga pasaran.

“Keputusan bekas Menteri Kewangan itu menyebabkan kerajaan membayar harga yang cukup mahal untuk mengambil alih tanah milik Tengku Razaleigh di Kota Bharu, Kelantan bagi pembangunan.

“Mengapa pada waktu itu dia tidak bantah tindakan kerajaan mengambil tanahnya untuk pembangunan Kota Bharu tetapi sekarang membantah pula pengambilan tanah untuk pembangunan,” jelasnya.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), diminta mengulas kenyataan Tengku Razaleigh baru-baru ini, kononnya kerajaan BN menggunakan pembangunan sebagai alasan untuk mengambil alih tanah rakyat.

Tengku Razaleigh mendakwa “pembangunan” seolah-olah perkataan ajaib, menyebabkan rakyat tidak berhak membantah keputusan kerajaan mengambil alih tanah mereka.

“Dalam pilihanraya kali ini kalau dia bertanding cakaplah, kami (Semangat 46) parti tak suka pembangunan, tak mahu jalan-jalan kampung ini (diperbaiki), semua pembangunan tak guna. Cakaplah macam itu,” katanya.